

BAB I

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan

Bilangan dan pertumbuhan penduduk di bandar-bandar dunia terus meningkat dengan keadaan yang tinggi, khasnya di negara-negara Dunia Ketiga. Perkembangan tersebut terjadi pada masa-masa selepas Perang Dunia II, kerana banyak negara bekas jajahan pemerintah kolonial telah memperoleh kemerdekaan (kedaulatan) untuk mengurus pemerintahannya sendiri. Berbeza dengan negara-negara yang mengalami maju, proses urbanisasi lebih dahulu daripada negara-negara Dunia Ketiga wujud.

Walaupun peratus kenaikan penduduk bandar di negara-negara maju dan negara Dunia Ketiga masing-masing menunjukkan kenaikan, namun pertumbuhan di Dunia Ketiga berlangsung lebih cepat jika dibandingkan dengan negara maju. Pertumbuhan dan peratus penduduk negara-negara Dunia Ketiga di kawasan bandar akan meningkat dengan sebanyak 169 peratus, hampir dua belas kali ganda dengan pertumbuhan penduduk kawasan bandar di negara-negara maju yang hanya sebanyak 15 peratus¹. Ini juga menunjukkan bahawa kawasan bandar-bandar di Dunia Ketiga akan menjadi kawasan petempatan yang sangat sesak dan hanya memberikan persoalan perumahan dan pekerjaan kepada penduduk bandar. Oleh itu, persoalan utama iaitu: perkembangan

¹ Philip M.Hauser, et.al., 1995, *Penduduk dan Masa Depan Perkotaan*, dengan kata pengantar daripada Sri Pamudjo Rahardjo, Jakarta, Yayasan Obor, p.11

bandar yang bagaimanakah yang seharusnya berlangsung dan peranan yang dilakukan oleh pengurus bandar dalam melaksanakan dasar-dasar kerajaan.

Pertumbuhan dan perkembangan suatu kawasan bandar berkait rapat dengan urbanisasi. Hubungan ini dapat dilihat terutamanya di negara-negara Dunia Ketiga. Perkembangan tersebut berlaku selepas Perang Dunia II kerana banyak negara bekas jajahan Kolonial Barat telah memperolehi kemerdekaan untuk mentadbir kerajaannya sendiri.

Secara konseptual pembandaran dalam kajian ini lebih menekankan kepada perkara yang wujud sebagai akibat pembandaran yang terjadi di kawasan Dunia Ketiga, khasnya di kawasan Pulau Bintan, Kabupaten Kepulauan Riau di Provinsi Riau, Indonesia. Walaupun, proses pembandaran yang terjadi di Kepulauan Riau, Indonesia belum menunjukkan perkembangan dan pertumbuhan yang tinggi, namun ianya telah menunjukkan ciri-ciri tersendiri dikalangan pengkaji-pengkaji perbandaran. Bagi penduduk-penduduk tempatan mereka juga turut memberikan makna tersendiri tentang perbandaran. Sesungguhnya penduduk bandar meningkat dengan pesat utamanya ketika perubahan itu dilihat dari peratus dengan menunjukkan perubahan nisbah (*ratio*) antara penduduk bandar kepada di luar bandar (*rural*). Perubahan ini menunjukkan bahawa terdapat perubahan yang mempunyai ciri-ciri yang khas dalam kehidupan masyarakat secara luas.

Walaupun peningkatan peratus penduduk bandar di negara-negara maju dan negara Dunia Ketiga, masing-masing menunjukkan trend yang terus meningkat, namun pertumbuhan di Dunia Ketiga berlaku dengan lebih cepat jika dibandingkan dengan negara-negara maju. Bahkan keadaan fizikal dan persekitaran ekologi bandar itu sendiri

(*urban ecology*) akan semakin buruk kualitasnya oleh sebab Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak berkemampuan untuk mengurus serta menjalankan fungsi-fungsi (pengurusan bandar) melalui institusi formal serta bukan formal. Kajian ini akan melihat dan meneliti perkembangan bandar di Kepulauan Riau, Indonesia yang menunjukkan semua proses urbanisasi yang terus meningkat telah menyebabkan keadaan yang tidak terkawal.


Tidak boleh dinafikan bahawa kesesakan penduduk memberi impak kepada alam persekitaran kawasan perbandaran. Kini impak tersebut telah dan sedang dirasakan secara berterusan serta meningkat menurut masa dan ruang, terlebih lagi kepada masa hadapan. Proses pembandaran yang kian pesat menyebabkan aspek pengurusan alam persekitaran di kawasan bandar menjadi sangat kompleks sehingga memerlukan perancangan yang holistik, utamanya di negara-negara Dunia Ketiga di mana industrinya tumbuh dan berkembang dengan pesat ².

Dalam Rajah 1.1, bandaraya New York pada tahun 1980 merupakan bandaraya terbesar di dunia dengan jumlah penduduk melebihi 20 juta orang. Ini diikuti oleh sesudahnya Tokyo (20 juta), Mexico City (15 juta) dan 7 bandaraya lain yang mempunyai penduduk melebihi 10 juta iaitu Sao Paulo, Shanghai, Los Angeles, Peking, Rio De Jeneiro, London dan Buenos Aires.

² Nilon C H, Berkowitz A R and Hollweg K S. 1999. *Understanding Urban Ecosystems: A new frontier for science and educations. Urban Ecosystems* 3, 3-4. Lihat juga Schwab J C. 2000. *Using Planning to enhance the Urban Environment. Industries and Environment* 23 (1-2), 22-25. Dan Mountford D and Pessio C. *Achieving Sustainable Urban Development: from brownfields to environmental management. Industri and Environment* 23 (1-2). Halaman 18-21.

Rajah 1.1

Bilangan dan Pentarafan Penduduk Bandar Raya Dunia Tahun 1980



Sumber: Lihat M.P. Todaro dan Jerry Stilkind (1985) hlm.6: *Dilema Urbanisasi*. Dalam Chris Manning dan Tadjuddin Noer Effendi (penyunting): *Urbanisasi, Pengangguran, dan Sektor Informal di Kota*.


Dalam Rajah 1.2, bandaraya Mexico City dijangka merupakan bandaraya terbesar di dunia pada tahun 2000. Dengan jumlah penduduk melebihi 30 juta orang.

Aspek pengurusan bandar berkait rapat dengan kepesatan proses pembandaran³. Ini disebabkan pada tahun 1900, hanya 9 peratus penduduk dunia tinggal di kawasan bandar. Jumlahnya bertambah menjadi 40 peratus pada tahun 1980, 50 peratus pada

³ Population Action International, 2000. *Why Population Matters to Natural Resources*. Fact Sheet 13. 1-2. Lihat pula Bennet A J, 2000. Environmental consequences of increasing production: some current perspectives. *Agriculture, Ecosystems and Environment*. Pp, 82, 89-95. Sama halnya yang ditulis oleh UNEP, 2000. Urbanization: meeting environmental challenges. *Industry and Environment* 23 (1-2), 3.

tahun 2000 dan dijangka pula akan mencapai 66 peratus pada tahun 2025⁴. Sebanyak 23 daripada 25 bandaraya utama dan terbesar di dunia, terdapat di negara-negara Afrika, Asia dan Amerika Latin jika dibanding dengan negara-negara Eropah ataupun Amerika Utara⁵.

Rajah 1.2
Anggaran Bilangan Penduduk Bandar Raya Dunia pada tahun 2000



Sumber: M.P. Todaro dan Jerry Stikind (1985) : *Dilema Urbanisasi*. Dalam Chris Manning dan Tadjuddin Noer Effendi (penyunting): *Urbanisasi, Pengangguran, dan Sektor Informal di Kota*.

⁴ McIntyre, N E, Knowles-Yáñez K, and Hope D. 2000. Urban ecology as an interdisciplinary field: differences in the use of "urban" between the social and natural sciences. *Urban Ecosystems* 4, 5-24.

⁵ Sukopp H. 1998. *Urban Ecology-Scientific and Practical Aspects*. In Breuste J, Felmann H and Uhlmann O (Eds.). *Urban Ecology*. Germany. Springer-Verlaag, Germany, pp. 3-16.

Perkembangan ekonomi di kawasan bandar yang berkembang pesat di kawasan Asia akan menyebabkan penduduknya 5 bilion orang akan mencapai 61 peratus dari 8.1 bilion jumlah penduduk Dunia dijangka akan tinggal di kawasan bandar-bandar Asia dan Afrika pada tahun 2030. Kadar pembandaran di Asia dikira akan mencapai 4 peratus per tahun⁶. Pada tahun 2025, seramai 52 peratus penduduk Asia dijangka akan tinggal di kawasan bandar.

Begitu juga dengan proses perbandaran di Indonesia semasa tiga dekad terakhir berlangsung sangat cepat. Purata kadar pertumbuhan dalam tempoh 1971-1980 dan 1980-1990 masing-masingnya sebanyak 2.93 peratus dan 5.36 peratus setiap tahun. Menurut kajian *Survei Penduduk Antar Sensus Indonesia tahun 1995*⁷, pertumbuhan penduduk bandar di Indonesia antara tahun-tahun 1990-1995 sebanyak 4.76 peratus setiap tahun. Kadar pertumbuhan ini dijangka masih terus naik selari dengan keadaan ekonomi Indonesia dan perubahan sistem politik dan pemerintahan yang melaksanakan sistem desentralisasi. Hasil banci tahun 2000, bilangan penduduk Indonesia telah mencapai 203,025 juta orang dengan purata kadar pertumbuhan tahunan dalam jangka masa 1990-1995 ialah 1.66 peratus dan antara tahun-tahun 1995-2000 sebanyak 0.83 peratus.

Sistem politik dan pemerintahan Indonesia dalam pemerintahan Orde Baru menunjukkan bahawa polisi pembangunan ditentukan oleh kerajaan pusat. Semua pemerintah Provinsi menerima polisi tersebut. Dalam hal ini projek-projek pembangunan lebih kepada pelaksanaan projek-projek besar yang merujuk kepada pengejaran laju

⁶ UNEP, op-cit.

⁷ Di Indonesia berlaku aktiviti Intercenal Census iaitu sebelum masa 2000, Intercenal Census diberlakukan kepada tahun 1995. Biro Pusat Statistik mengeluarkan ripot pada tahun 1996, pp-iii

pertumbuhan ekonomi dengan penekanan utamanya diarahkan kepada pembangunan di sektor moden. Impak seterusnya adalah kawasan bandar menjadi tumpuan kepada pembangunan sektor moden pada hampir semua kawasan Provinsi di Indonesia.

Peningkatan penduduk bandar terkait rapat dengan faktor penghijrahan. Proses pembandaran di Indonesia berbeza dengan negara maju atau negara industri⁸. Sama seperti di negara-negara Dunia Ketiga, pembandaran di Indonesia juga boleh dihubungkan dengan beberapa persoalan antara lain seperti yang ditulis oleh Ismail Stapa tentang perubahan corak pekerjaan dari sektor pertanian (peringkat pertama) kepada sektor perindustrian (peringkat kedua) dan seterusnya kepada sektor perkhidmatan (peringkat ketiga)⁹. Selain itu ialah peluang-peluang pekerjaan di sektor tidak formal merupakan ciri utama pembandaran di Indonesia¹⁰.

Dalam mengkaji proses pembandaran di Indonesia, Nasikun¹¹ telah menegaskan bahawa bandar memiliki kemampuan yang luar biasa menyerap guna tenaga yang tidak mampu bersaing di sektor formal ke dalam sektor informal. Seterusnya McGee¹² membahas bahawa perkembangan bandar di Dunia Ketiga diiringi pula dengan perkembangan sektor ekonomi *tertiari* atau disebut oleh Geertz¹³ berbentuk ekonomi

⁸ Nasikun, 1980. *Urbanisasi berlebihan, Invulusi perbandaran dan Radikalisme Politik di Negeri-negeri Berkembang*. **Majalah Prisma** no.6, Juni, II: 9-22, p11, Jakarta, LP3ES.

⁹ Ismail Stapa, 1998. *Pembangunan Sektor Ekonomi Informal Bandar: kajian tentang penaja dan penjaan di Kuala Lumpur*. **Prosiding Bengkel Sehari Kajian Perancangan dan Pembangunan Bandar**. Anjuran Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaya dengan kerjasama Kolej Kediaman Tun Ahmad Zaidi Universiti Malaya.

¹⁰ Suharso, 1986. *Kaitan Desa-Kota: Migrasi Sirkuler dan Sektor Informal*. **Makalah**: Konferensi Nasional Pertumbuhan Penduduk, Urbanisasi dan Kebijaksanaan Nasional Perkotaan, Jakarta, 13-16 Oktober, pp 1-25.

¹¹ Nasikun, op-cit

¹² T. McGee, 1985. *Perombakan Struktural dan Bandar di Dunia Ketiga*. Dalam Chris Manning dan Tadjuddin Noer Effendi (penyunting), *Urbanisasi, Pengangguran dan Sektor Informal di Bandar*. Jakarta, Gramedia.

¹³ Clifford Geertz, 1963. *Agricultural Involution, The Processes of Ecological Change in Indonesia*, Berkeley, University of California, p.58.

bazaar (tradisional). Bentuk inilah menyebabkan ramai pakar mengatakan bahawa selama tahun 1971-1980 *tahap urbanisasi* di Indonesia masih perlahan jika dibandingkan dengan beberapa negara lain di kawasan negara-negara maju, tetapi dalam tempoh 1980-1990, *tahap urbanisasi* berkembang dengan pesat sekali.

Pembangunan berkait rapat dengan polisi pembangunan ekonomi yang dilaksanakan oleh kerajaan serta kemampuan *ubah suai diri penghijrah (migrant adjustment)* yang sangat tinggi ke destinasi bandar¹⁴. Seterusnya Todaro dan Stilkind¹⁵ juga turut menyatakan bahawa adanya kecenderungan *urban-bias* (mengutamakan pembangunan di kawasan bandar) menyebabkan kawasan luar bandar ketinggalan dalam arus pembangunan. Oleh itu, penduduk kawasan luar bandar turut mengalami himpitan ekonomi dan menyebabkan mereka meninggalkan kampung untuk mencari kehidupan baru di bandar. Hal ini disokong oleh data-data tentang sumbangan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK); (*di Indonesia dipanggil Produk Domestik Bruto atau PDB*) Indonesia dalam sektor pertanian yang terus menurun. Ini disebabkan dari masa ke semasa guna tenaga yang bekerja di sektor pertanian semakin berkurang dan banyak beralih kepada kegiatan perniagaan (*trade*) dan kepada sektor tidak formal serta perkhidmatan di kawasan bandar.

Bank Dunia (World Bank) juga memberikan perhatian kepada pembangunan di Indonesia selama ini. Dibentangkan bahawa Indonesia bercirikan negara agraris (*Agriculture*), tetapi fokus rancangan pembangunan di sektor pertanian tidaklah

¹⁴ Hans-Dieter Evers, 1982. *Sosiologi Perkotaan, Urbanisasi dan Sengketa Tanah di Indonesia dan Malaysia*, Jakarta. LP3ES, P. 87. Lihat juga Philip Hauser, et.al., 1985, *Penduduk dan Masa Depan Perkotaan*, dengan kata pengantar Sri Pamudjo Rahardjo, Jakarta. Yayasan Obor, p.16. Sama pula halnya dengan Cumming, 1985. p.53.

¹⁵ M.P. Todaro dan J. Stilkind, 1981. *City and Rural Neglect: the Dilemma of Urban Development*. New York: A Public Issues Paper of The Population Council. P.86

mencerminkan hal tersebut. Hasil analisis Bank Dunia merujuk kepada tertinggalnya sektor ini (pertanian) ketika Indonesia memasuki tahun-tahun menjelang krisis ekonomi dan purata pertumbuhan sektor ini terus menurun. Sebaliknya pertumbuhan sektor moden meningkat terus terutamanya ketika memasuki gerbang krisis ekonomi pada tahun 1997. Data ini menunjukkan bahawa polisi pembangunan yang berlaku belum terkawal dengan pasti dan usaha untuk menempatkan sektor pertanian kepada sektor utama di dalam polisi pembangunan Indonesia pada masa-masa yang lalu belum lagi diberlakukan dengan benar.

Dalam Jadual 1.1 menunjukkan bahawa polisi pembangunan yang dilaksanakan di Indonesia lebih tertumpu kepada sektor-sektor industri (*industry*), pembuatan (*manufacturing*) dan perkhidmatan (*service*). Purata pertumbuhan masing-masing sektor menunjukkan pertumbuhan yang cukup tinggi. Di sebalik itu sektor pertanian terus menurun, seperti yang dilaporkan oleh Bank Dunia.

Hal yang tidak boleh dinafikan ialah bahawa Negara Indonesia merupakan negara dengan asas pertanian, namun di sebalik itu, sektor pertanian semakin lama semakin menurun kadar pertumbuhannya.

Jadual 1.1
Peratus Keluaran Kasar daripada beberapa indikator kunci
Indonesia selama tahun 1976 sehingga tahun 1997

No	Sektor Ekonomi Kunci	Tahun			
		1976	1986	1996	1997
1	Pertanian	29.7	24.3	16.7	16.0
2	Industri	34.1	33.8	43.5	42.9
3	Manufacturing/pembuatan	10.4	16.8	25.6	25.5
4	Services/perkhidmatan	36.3	41.9	39.9	41.1
	Purata pertumbuhan tahunan	1976-86	1987-97	1996	1997
	Pertanian	4.1	3.2	3.3	0.7
	Industri	6.5	10.0	10.7	5.6
	Manufacturing	14.5	11.0	11.7	6.4
	Services	8.7	7.9	6.6	5.7

Sumber: The World Bank Group, Indonesia Country assistance Strategy Progress Report. Report No. 18963 IND, March, 1999

1.2. Permasalahan Kajian

Riau dengan kawasan yang terbagi ke dalam dua kategori besar (daratan dan lautan), memiliki jarak yang sangat dekat dengan negara-negara Singapura dan Malaysia. Selain itu hubungan antara kawasan Provinsi dan bandar yang ada di pulau Sumatera sangat baik. Begitu juga hubungan pulau Sumatera dengan pulau Jawa. Sejak tahun 1980 pulau Sumatera dengan 8 provinsinya merupakan pusat pengembangan dan pelaburan di kawasan Barat Indonesia. Pembangunan ekonomi yang terencana dilaksanakan oleh pemerintah Indonesia melalui konsep penggalan lima tahun yang disebut dengan *Pembangunan Lima Tahun* (di Indonesia dipanggil dengan nama *repelita*) selama Pembangunan Jangka Panjang (PJP) tahap I (mulai daripada Pelita I kepada Pelita VI), dengan menjadikan kawasan Provinsi Riau sebagai kawasan yang berkembang sangat pesat dengan peningkatan KDNK kepada empat kali ganda daripada 115,217 bilion Rupiah pada tahun 1990 kepada 433,246 bilion Rupiah pada tahun 1997 (lihat Jadual 1.2)

Mengikut Nasikun¹⁶ dan Dorodjatun Koentjoro Djakti dan Soelaiman Soemardi¹⁷ membentangkan bahawa panggilan *urban bias* yang berlaku di Pulau Jawa disebabkan oleh ramainya penghijrahan orang-orang daripada luar Pulau Jawa ke bandar-bandar di Jawa. Bandar Raya seperti Jakarta, Surabaya, Bandung dan Semarang adalah destinasi utama. Di sebalik itu peladangan dari semasa ke samasa semakin sempit dan orang-orang ramai pindah bekerja kepada sektor di luar pertanian. Ekoran lainnya ialah didapati juga

¹⁶ Nasikun, op-cit

¹⁷ Dorodjatun Koentjoro dan Soelaiman Soemardi, 1983. *Kemiskinan di Perkotaan*, Jakarta, LP3ES, Pp11-13.

penduduk daripada Pulau Jawa hijrah pula ke bandar-bandar di luar Pulau Jawa dan ekoran daripada itu semua ialah wujudnya kemiskinan di bandar-bandar di Indonesia.

Jadual 1.2

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK = PDB: Produk Domestik Bruto) Indonesia daripada tahun 1990 sehingga tahun 1997 [(Rp/billion)]

No	Sektor	Tahun					
		1990	1993	1994	1995	1996	1997
1	Agriculture	22,357	58,963	59,291	61,885	63,828	64,468
2	Mining & Quarrying	17,532	31,497	33,262	35,502	37,739	38,538
3	Manufacturing	22,337	73,556	82,649	91,637	102,260	107,630
4	Electricity, Gas & Water	726	3,290	3,703	4,292	4,877	5,480
5	Construction	6,673	22,513	25,858	29,198	32,924	35,346
6	Trade, Hotels & Restaurants	18,569	55,298	59,504	64,231	69,475	73,524
7	Transport & Communication	6,368	23,249	25,189	27,329	29,701	31,783
8	Bank and Finance	4,894	14,005	15,945	18,109	18,887	19,956
9	Ownership of dwellings	2,999	9,695	10,087	10,643	11,266	11,826
10	Other services	12,764	37,709	39,155	40,967	42,842	44,696
	Gross Domestic Product	115,217	329,776	354,641	383,792	413,798	433,246

Sumber: World Bank. Indonesia The Imperative for Reform, Report no. 23093, IND, Nov.2- 2001

Impak daripada semua aktiviti di atas, penduduk pulau Jawa yang didiami seramai 60 peratus dari jumlah penduduk Indonesia¹⁸, dan daripada luar Provinsi Riau pindah ke Riau melalui dua cara. Pertama, mengikuti arahan *transmigrasi*¹⁹ (perancangan penghijrahan yang dilakukan oleh kerajaan pusat) dan Kedua, melalui penghijrahan di atas pilihan sendiri (di Indonesia dipanggil dengan *migran spontan* dan atau *migran swakarsa*). Penjelasan ini boleh diperiksa daripada beberapa kes kajian yang pernah

¹⁸ Anonymous, 1992. *Penduduk Indonesia Menurut Hasil Sensus Penduduk Tahun 1990*, Jakarta, Biro Pusat Statistik Indonesia, p.9

¹⁹ Lihat Haren, 1978. *Transmigrasi: Dari daerah Asal sampai Benturan Budaya di Tempat Pemukiman*. Rajawali Press, Jakarta. Menceritakan makna daripada pelaksanaan plan transmigrasi dari kerajaan pusat sehingga menumbuhkan konflik sosial yang baru.

dilakukan oleh Haren²⁰, Hugo²¹, Titus²², Mantra²³, Cumming²⁴ dan Firman²⁵, yang menunjukkan bahwa faktor penghijrahan memainkan peranan penting dalam perkembangan bandar di Indonesia.

Penyelidikan yang dilakukan oleh Penny dan Singarimbun²⁶ (1976), menunjukkan bahawa penduduk lapisan bawah daripada masyarakat di Jawa (yang tidak mempunyai tanah), sangat tertarik untuk mengikuti rancangan transmigrasi sebab ianya akan memperolehi tanah seluas dua hektar (1 hektar = 2.17 acre atau 1 acre = 0.46 hektar). Oleh itu, faktor kekurangan *lahan* (tanah) telah mempengaruhi keluarga *transmigran*²⁷ untuk berhijarah ke bandar secara sukarela. Penny dan Singarimbun²⁸ juga menyatakan bahawa faktor tanah dan ekonomi menjadi halangan utama bagi penduduk di pedesaan Jawa untuk merealisasikan pelaksanaan penggalan lima tahun pembangunan (*Pelita*) kedua di Indonesia.

²⁰ Haren, *ibid*.

²¹ Hugo, Graem, J. 1981. *Levels, Trends and Pattern of Urbanization*. In ESCAP, *Migrations, Urbanization and Development in Indonesia*. Comparative Study in Migration, Report III New York, United Nations, P.167

²² Milan J. Titus, 1982. *Migrasi Antardaerah di Indonesia*. Yogyakarta. Universitas Gadjah Mada. Pusat Penelitian dan Studi Kependudukan. P.96

²³ Ida Bagus Mantra, 1985. *Population Mobility in Indonesia: Past and Future*. In Philip M Hauser et.al (eds), *Urbanization and Migration in ASEAN Development*, Tokyo: Nihon University Population Research Institute. P.235

²⁴ Harry Cumming, 1985. *A Comparasion of Migrant Adjusment in Squatter Communities of Bandung, Kuala Lumpur and Manila*. Dalam Gerald H. Krausse (eds), *Urban Society in Southeast Asia, Vol.I, Social and Economics Issues*, Asean Studies Monograph Series, Hongkong: Asian Research Service.

²⁵ Tommy Firman, 1994. *Migrasi AntarProvinsi dan Pengembangan Wilayah*. Majalah Kajian Ekonomi dan Sosial *Prisma*, No. 7 Juli 1994, I: 3-33. Jakarta. LP3ES.

²⁶ D.H. Penny dan Masri Singarimbun, 1976. *Penduduk dan Kemiskinan: Kasus Desa Srihardjo di pedesaan Jawa*. Brathara Karya Aksara, pp 58-67

²⁷ Ketua dan semua isi rumah yang ikut projek ini dipanggil dengan nama *transmigran*

²⁸ D.H. Penny dan Masri Singarimbun, 1976. Op-cit, p.58

Jadual 1.3

Taburan Keluaran Dalam Negeri Kasar (Product Domestic Bruto)
Indonesia daripada tahun 1990 sehingga tahun 1997

No	Sektor	Tahun					
		1990	1993	1994	1995	1996	1997
1	Agriculture	19.4	17.8	16.7	16.1	15.4	14.9
2	Mining & Quarrying	15.2	9.6	9.4	9.2	9.1	8.9
3	Manufacturing	19.4	22.3	23.3	23.9	24.7	24.8
4	Electricity, Gas & Water	0.6	1.0	1.0	1.1	1.2	1.3
5	Construction	5.8	6.8	7.3	7.6	8.0	8.2
6	Trade, Hotels & Restaurants	16.1	16.8	16.8	16.7	16.8	17.0
7	Transport & Communication	5.5	7.0	7.1	7.1	7.2	7.3
8	Bank and Finance	4.2	4.2	4.5	4.7	4.6	4.6
9	Ownership of dwellings	2.6	2.9	2.8	2.8	2.7	2.7
10	Other services	11.1	11.4	11.0	10.7	10.3	10.3
	Gross Domestic Product	100	100	100	100	100	100

Sumber: World Bank. Indonesia The Imperative for Reform, Report no. 23093, IND, Nov.2- 2001

Perubahan yang sama juga berlaku di kawasan Provinsi Riau iaitu semakin berkurangnya kadar peratus sektor pertanian. Semua ini kerana adanya perkembangan pembangunan dan ekonomi yang diatur oleh kerajaan pusat Indonesia sehingga menjadikan beberapa kawasan di Riau sebagai destinasi utama. Keadaan Provinsi Riau yang merujuk kepada dasar pemerintahan *pro-growth* di dalam pembangunannya boleh diketengahkan melalui Jadual 1.4 yang menggambarkan ekonomi dari Peratus Keluaran Dalam Negeri Kasar Provinsi Riau. Jelas bahawa sektor pertanian dan perkebunan belum lagi memperlihatkan kepada usaha untuk meningkatkan ekonomi kawasan khususnya selari dengan karakteristik dan geografi Provinsi Riau sendiri.

Jika dilihat kawasan Provinsi Riau (sebelum Undang-undang Nombor 22 Tahun 1999 dikuat kuasakan) boleh dikatakan bahawa pertumbuhan penduduk menimbulkan impak kepada corak dan perkembangan semua kawasan bandar di Riau. Hal ini semakin

terlihat bila dihubungkan dengan keadaan dan aktiviti perekonomian daripada masing-masing kawasan.

Jadual 1.4

Peratus Keluaran Dalam Negeri Kasar daripada Provinsi Riau
(tanpa minyak bumi) selama tahun 1987 sehingga tahun 1991
(harga konstan tahun 1983)

No	Sektor Ekonomi	Tahun				
		1987	1988	1989	1990	1991
1	Pertanian	28.9	29.2	29.6	30.6	31.1
2	Pertambangan dan penggalian	7.0	6.7	6.6	6.4	6.3
3	Industri pengolahan	8.1	8.2	7.7	7.2	7.5
4	Listrik, gas dan air minum	1.1	1.2	1.4	1.5	1.8
5	Bangunan	1.9	1.6	1.9	1.8	1.7
6	Perdagangan, hotel & restoran	26.8	26.5	26.2	25.9	26.0
7	Pengangkutan & komunikasi	10.1	10.1	8.2	10.1	10.3
8	Bank & Lembaga keuangan	2.9	3.5	3.6	4.3	3.8
9	Sewa rumah	5.7	5.5	5.4	5.0	4.7
10	Pemerintahan & Pertahanan	5.8	5.7	5.6	5.3	4.9
11	Jasa-jasa (service)	1.7	1.8	1.8	1.9	1.9
	KDNK	100	100	100	100	100

Sumber: Badan Pusat Statistik dan Bappeda Tkt. I Riau, 1992. *Riau Dalam Angka (Riau in Figures) Tahun 1991/1992*

Berdasarkan kepada perkembangan penduduk kawasan bandar di Riau, terdapat beberapa persoalan yang perlu diberikan. Pertama: perhatian asas pemerintah pusat (polisi plan) yang ditaja secara langsung oleh kerajaan pusat (Jakarta) mempunyai pengaruh yang besar dalam menentukan ketidakberdayaan pemerintah bandar (Pihak Berkuasa Tempatan) oleh kerana pemusatan (*concentrate*) pembangunan selalu ditujukan di kawasan bandar. Seterusnya pembandaran berlangsung dengan cepat dan wujud pula ragam bentuk petempatan penduduk di bandar. Petempatan tersebut meningkat selari dengan pertumbuhan rumah di bandar sebagai akibat polisi penyedia (pengadaan)

perumahan rakyat. Akibatnya dipelbagai kawasan terdapatnya pembangunan rumah yang disokong oleh Bank yang dimiliki oleh (Kerajaan maupun swasta) ataupun dimajukan oleh pelabur (*real-estate*) atau pemaju perumahan.

Kedua: Kawasan-kawasan pusat bandar pembangunan perumahan adalah terbatas memerlukan tanah untuk dimajukan sebagai kawasan perumahan dengan kos rendah (murah) terutama dari pihak pelabur ataupun Bank yang *sentiasa* memilih kawasan pinggir bandar (*sub-urban*). Akibatnya kawasan pinggir bandar mendapat tekanan daripada penduduk pusat bandar. Dalam beberapa kes, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ataupun *Local Government* terpaksa membuat reklasifikasi (*memperluaskan pentadbiran kawasan bandar*).

Jadual 1.5

Peratus Keluaran Dalam Negeri Kasar daripada Provinsi Riau
(tanpa minyak bumi) selama tahun 1997 sehingga tahun 2000
(harga konstan tahun 1993)

No	Sektor Ekonomi Kunci	Tahun			
		1997	1998	1999	2000
1	Pertanian	16.1	18.1	19.0	18.8
2	Pertambangan dan penggalian	2.9	2.6	2.6	2.5
3	Industri pengolahan	29.9	29.1	31.3	31.9
4	Listrik, gas dan air minum	0.9	1.1	1.1	1.0
5	Bangunan	7.5	5.5	5.6	5.4
6	Perdagangan, hotel & restoran	18.1	18.6	18.7	17.8
7	Pengangkutan & komunikasi	6.8	7.2	7.3	7.1
8	Bank & Lembaga keuangan	10.7	10.3	7.1	8.6
9	Jasa-jasa (service)	7.1	7.4	7.3	6.9
	KDNK	100	100	100	100

Sumber: Riau Dalam Angka Tahun 2001, Badan Pusat Statistik Provinsi Riau Tahun 2001

Ketiga: terjadi pula kecenderungan pergeseran petempatan (permukiman) penduduk dari wilayah pusat bandar ke kawasan tepi bandar. Hal ini disebabkan oleh kesesakan (density) yang tinggi dan bandar sudah tidak lagi memberi keselesaan sebagai tempat bermastautin. Bahkan didapati perkembangan bandar khususnya di Indonesia selari diikuti pula dengan berkembangnya kawasan setinggian, tanpa kemudahan asas seperti bekalan elektrik dan air bersih dan suasana jalan (*infrastructure*) yang buruk serta persoalan pembuangan sampah yang berkepanjangan²⁹.

Jadual 1.6

Senarai penduduk perbandaran di Riau dari tahun 1980 sehingga tahun 1995, mengikut kawasan³⁰

Kawasan Dati.II/Kodya	1980	1990	1995
Indragiri Hulu	1.3	6.6	14.8
Indragiri Hilir	13.1	11.3	10.4
Kepulauan Riau	39.1	50.0	54.0
K a m p a r	--	5.2	11.8
Bengkalis	32.0	30.6	28.3
Pekanbaru	100	85.6	79.5
Batam	--	86.9	84.9
Riau	27.2	31.9	34.4
Pulau Sumatera	19.6	25.5	31.3
Indonesia	22.3	30.9	35.9

Sumber : Biro Pusat Statistik Indonesia, 1982; 1992, 1996

Keempat: perkembangan bilangan penduduk setali dengan perkembangan bandar dan sebaliknya (timbal-balik). Dalam hubungan ini termasuk di dalamnya penghijrahan.

²⁹ Bagong Suyanto, 1995. *Megacity Yang Makin Punitif*. Artikel: Jakarta berusia 468 tahun. Surat Kabar Harian Nasional Kompas, Edisi Kamis, 22 Juni.

³⁰ Keadaan ini sebelum adanya Undang-undang nombor 22 Tahun 1999 tentang Desentralisasi (Otonomi Daerah)

Penghijrah berusaha mencari tempat-tempat dengan kos yang rendah dan terjangkau serta pantas berdasarkan kemampuan dan ragam pekerjaan mereka. Mencari petempatan samaada di dalam ataupun di pusat bandar menghadapi persoalan tentang kos yang tinggi. Oleh itu, kemungkinan terbaik dan kos murah adalah memilih rumah di kawasan pinggiran bandar (*sub urban*). Fenomena ini merujuk kepada perkiraan bahawa kos rumah sentiasa lebih murah jika dibandingkan dengan kawasan pusat bandar. Atau jika ingin tetap duduk berdekatan dengan pusat bandar alternatif yang sangat mungkin adalah mencari rumah murah (kos rendah), dan ini didapati bila menghuni perumahan setinggan (Squatter), rumah kumuh (Slums).

Kelima, perubahan peratus penduduk yang sangat tajam pada tahun 1990 dan 1995 disebabkan oleh aktiviti pengembangan dan pembangunan antar-kawasan, kerana polisi pembangunan ekonomi seperti *Sijori*³¹ (Singapura Johor dan Riau, kemudian menjadi *IMS-GT*), segi tiga pertumbuhan Utara seperti Sumatera Utara, Malaysia dan Thailand. Perkembangan lain adalah adanya kerja sama antar-bandar seperti Padang (Indonesia) dengan Negeri Sembilan (Malaysia) serta polisi yang sedang dan telah dikembangkan. Ekorannya adalah terjadinya pergeseran sektor ekonomi masing-masing kawasan iaitu memberi perhatian khas kepada *perkhidmatan*, *perniagaan* serta *industri*.

Semua itu memberi erti kepada adanya taburan penduduk yang tidak merata antar kawasan ataupun daerah tingkat II di Riau. Di samping itu, suatu usaha keras yang harus dilakukan oleh pihak kerajaan tempatan dalam upaya pembenahan bukan sahaja dalam

³¹ Pada tahun 1990, melalui Keputusan Presiden Republik Indonesia Nombor 31 Pemerintah mengembangkan pembangunan wilayah Kepulauan Riau bersama-sama dengan negara Singapura dan Negara bahagian Johor Bahru Malaysia yang dipanggil Singapura, Johor dan Riau (SIJORI). Pada tahun 1992, melalui Keputusan Presiden Republik Indonesia Nombor 28 Pemerintah menambah kawasan wilayah kerja Badan Otorita Batam sehingga menjangkau Pulau Galang, Rempang dan kawasan sekitarnya, yang dipanggil dengan Batam, Rempang dan Galang (BARELANG)

pentadbiran pihak kerajaan sendiri, tetapi juga pembaikan di semua bidang iaitu kepentingan orang ramai dan awam guna menyokong kehidupan komuniti bandar.

Jadual 1.7

Taburan Penduduk Riau mengikut distrik banci tahun 2000

Daerah Otonom	Luas (Km2)	Jumlah		
		Perbandaran	% pop. bandar	Bilangan (jiwa)
<i>Kab. Indragiri Hulu</i>	8,198.26	30,112	12.2	247,306
Kab. Kuantan Singingi	7,656.03	24,867	11.5	216,732
<i>Kab. Indragiri Hilir</i>	8,881.59	55,418	10.0	555,701
<i>Kab. Kampar</i>	8,846.80	37,115	8.3	447,157
Kab. Pelalawan	11,987.90	20,429	13.4	152,949
Kab. Rokan Hulu	6,887.68	25,757	9.7	265,686
<i>Kab. Bengkalis</i>	11,614.78	246,130	47.3	520,241
Kab. Siak	8,423.08	80,298	33.6	238,786
Kab. Rokan Hilir	8,881.59	62,334	17.7	352,299
Kota Dumai	1,728.38	120,498	69.6	173,188
<i>Kab. Kepulauan Riau</i>	3,922.78	222,859	69.8	319,482
Kab. Karimun	840.59	103,014	62.5	164,770
Kab. Natuna	2,723.79	18,261	23.4	78,081
Kota Batam	612.53	415,750	95.1	437,358
Kota Pekanbaru	633.26	568,146	97.1	585,440
RIAU	329,867.60	2,030,988	42.7	4,755,176

Catatan: Hasil Banci tahun 2000

Tulis miring: kabupaten induk, di bawah tulis miring Kabupaten/Kota yang telah dipecah

Berkaitan dengan itu penduduk kawasan bandar di Kepulauan Riau terus meningkat selari dengan perkembangan sektor perkhidmatan, perniagaan serta industri yang merujuk kepada aktiviti pelancongan. Peningkatan bilangan penduduk yang bermastautin di bandar dipengaruhi oleh adanya penghijrah-an. Jadual 1.8 menjelaskan perkembangan bilangan penduduk di kawasan bandar yang ada di Pulau Bintan.

Jadual 1.8

Taburan penduduk di perbandaran di Provinsi Riau, Batam dan Pulau Bintan mengikut banci tahun 1980, 1990, 1995 dan 2000

Daerah	Tahun banci			
	1980	1990	1995	2000
Batam	--	86.9	84.9	95.1
Pulau Bintan ³²	--	46.7	62.3	83.5
Kepulauan Riau	39.1	50.0	54.0	69.8
Tanjungpinang	--	--	--	100.0
Riau	27.2	31.9	34.4	42.7

Sumber: Biro Pusat Statistik Indonesia, 1982, 1992, 1996.

Badan Pusat Statistik Kepulauan Riau dan Pemerintah Bandar Tanjungpinang

Di dalam menggubal polisi pembangunan bandar diperlukan pengurusan yang dihalakan kepada sistem pengurusan bandar. Sebab pertanyaan yang muncul adalah: mengapakah semua bandar yang ada di Indonesia khususnya di Riau demikian cepat berkembang. Akibat daripada perkembangan bandar mempengaruhi kepada ketiadaan kawalan khas terhadap perkembangan tersebut, ertinya bandar berkembang tanpa adanya kawalan terhadap persekitaran dan kemudahan awam untuk memperoleh pembaikan kehidupan penduduk bandar. Ini menjadi persoalan bahawa bandar ketika bekembang melahirkan perkara secara tersendiri. Model pembangunan yang berupaya mengawal urbanisasi secara *eksplisit* maupun *implisit* menurut Syafrizal³³, untuk kes Indonesia tidak membawa erti yang penting. Sebaliknya menimbulkan perkara lain yaitu oleh McGee³⁴ dipanggil dengan *invulusi bandar* ertinya secara fizikal bandar terus berkembang tetapi perkembangan tersebut menimbulkan pelbagai persoalan seperti

³² Pulau Bintan boleh dikatakan majority dari bahagian Kabupaten Kepulauan Riau selepas dimekarkan semenjak Undang-undang nombor 22 Tahun 1999 dikuatkuasakan Kerajaan Republik Indonesia.

³³ Syafrizal, 1986. *Kebijaksanaan Pengendalian Urbanisasi*. **Kertas Kerja**: Konferensi Nasional Pertumbuhan Penduduk, Urbanisasi dan Kebijaksanaan Nasional Perkotaan. Jakarta, 15-18 Oktober

³⁴ T. McGee. Loc-cit

tumbuhnya penduduk miskin, kawasan setinggan serta persekitaran sosial dan petempatan yang semakin buruk dan tidak adanya pusat-pusat pelayanan publik (awam).

Mengikuti pelbagai pemikiran di atas, difahami bahawa perkara perbandaran merupakan isu semasa. Dalam kongres *Metropolis Sedunia*³⁵ dibincangkan dengan sungguh-sungguh 6 persoalan utama yang lazim didapati di bandar-bandar raya dunia. Persoalan itu merangkumi: demografi, petempatan beserta sarananya, persekitaran, ekonomi bandar, pengangkutan dan pentadbiran beserta pengurusan bandar³⁶. Persoalan tersebut dibentangkan kerana pertumbuhan penduduk bandar yang tidak terkawal berimpak kepada kawasan petempatan beserta sarana fizikal dan sosial yang tidak layak. Seterusnya persekitaran dan kesihatan yang semakin buruk, ekonomi bandar dan peluang pekerjaan yang tidak seimbang, pengangkutan dan laluan yang tidak terkawal diiringi pula oleh pentadbiran beserta pengurusan bandar yang tidak berkesesuaian.

Perbincangan di atas telah memfokus kepada perkembangan bandar dan kehidupan masyarakat di Riau, Indonesia. Oleh itu, penyelidikan ini lebih berkenaan dengan pembangunan khasnya dari aspek pemandaran yang berhubungan dengan penghijrahan di Riau. Untuk itu, kajian ini akan mengkaji Bandar Tanjungpinang yang dilihat dari segi impak penghijrahan ke atas pemandaran. Seterusnya kajian ini akan meneliti polisi pembangunan perbandaran dengan semakin meningkatnya penduduk bandar. Perkembangan bandar yang tidak terkawal menyebabkan persekitaran bandar menghadapi persoalan yang berterusan. Oleh kerana perkembangan bandar Tanjungpinang di Pulau Bintan berlangsung sangat cepat dengan kadar kesesakan

³⁵ *International Congress of the World Association of Major Metropolis*, Melbourne, October, 1990

³⁶ Herlianto, 1997, *Urbanisasi, Pembangunan dan Kerusuhan Kota*, Alumni Bandung, Jakarta

penduduk yang semakin tinggi dan sistem pengangkutan awam yang kurang mendapat perhatian pihak Kerajaan (pemerintah).

1.3. Objektif Kajian

Objektif utama daripada kajian ini adalah:

Kesatu; berusaha untuk memahami dan meneliti proses pembandaran yang sangat pesat di pulau Bintan. Pemerhatian dilakukan kepada bandar Tanjungpinang supaya dapat mengenal pasti semua aspek pembandaran. Kedua; kajian merujuk kepada impak atau dampak sosioekonomi yang timbul sebagai akibat pembandaran. Ketiga; objektif khas daripada kajian ini adalah menyelidiki polisi pembangunan yang dapat disesuaikan selaras dengan perkembangan komuniti tempatan dengan proses pembandaran yang bertambah pesat. Proses dan perkembangan pembandaran yang tidak diteliti dan dikenalpasti akan memberi kesan kepada penduduk bandar. Tanpa adanya kawalan dan pertumbuhan yang sangat pesat sebuah kawasan perbandaran akan mengalami persoalan, terutama pusat kemudahan (pelayanan) awam dan tidak terselesaikan yang memberi kesan kepada kewujudan fenomena kemiskinan serta persetingganan di bandar.

Selain hal ihwal di atas, pembandaran Tanjungpinang juga boleh menimbulkan perubahan pola-pola perlakuan masyarakat. Ini adalah kerana perbandaran menunjukkan "*....proses mencapai ciri hidup di bandar, penghijrahan ke bandar, pertukaran daripada aktiviti pertanian kepada aktiviti lain yang lazim didapati di bandar, dan seterusnya pertukaran pola-pola perlakuan*"³⁷. Oleh itu, kajian yang terpenting kepada

³⁷ J. Clyde Mitchell, dalam Yaacob Harun, 1993. *Keluarga Melayu Bandar: Suatu Analisis Perubahan*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.

aspek penghijrahan dalam kaitan pembandaran akan sangatlah diperlukan agar dapat melahirkan pelbagai perspektif polisi pembangunan bandar yang perlu mendapat perhatian Kerajaan pusat dan Kerajaan Negeri (dipanggil Provinsi di Indonesia) pada masa akan datang.

1.4. Matlamat Kajian

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, akibat daripada perkembangan penduduk bandar yang pesat telah menimbulkan banyak persoalan. Antara lain penyediaan keperluan asas seperti perumahan, bekalan air bersih dan elektrik, pengangkutan, pendidikan, pungutan sampah, kesihatan, pusat perniagaan dan telekomunikasi. Selain itu keperluan awam lebih untuk penduduk bandar berkait rapat dengan persoalan tersebut. Fenomena penting di dalam kajian ini adalah pengangguran yang berlaku di kalangan guna tenaga (penghijrah) terutamanya kepada pengangguran guna tenaga yang terdidik. Dalam Fenomena ini sektor tidak formal, akan lebih menjadi fokus kajian utama yang akan dilakukan.

Pembangunan perbandaran membawa *impak* kepada kehidupan masyarakat secara keseluruhan termasuk kepada aspek ekonomi. Masih didapati sebahagian penduduk yang hidup di bawah garis kemiskinan di kawasan perbandaran. Untuk kes Indonesia pada tahun 1990 didapati seramai 16.75 peratus penduduk miskin daripada bilangan penduduk yang tinggal di kawasan bandar³⁸. Yang jelas telah berlaku pengangguran dengan bilangan 22.04 peratus dalam masa 1976-1990, iaitu 38.79 peratus

³⁸ Anonymous, 2001. *Penduduk Riau, Hasil Sementara Sensus Penduduk tahun 1990*, Jakarta. Biro Pusat Statistik Indonesia.

pada tahun 1976 menjadi 16.75 peratus pada tahun 1990. Tetapi sejak krisis ekonomi pada Julai 1997, di Indonesia bilangannya semakin meningkat. Seramai 80 juta penduduk atau 39.22 peratus daripada bilangan penduduk Indonesia hidup di bawah garis kemiskinan³⁹. Majoritinya berada dan tinggal di pelbagai kawasan bandar. Keadaan bertambah buruk bila berlaku pemerhentian guna tenaga (di Indonesia dipanggil dengan *PHK* atau *Pemutusan Hubungan Kerja*), sehingga ramai guna tenaga yang telah bekerja terpaksa diberhentikan bekerja oleh majikan.

Persoalan utama yang akan diteliti dalam kajian ini adalah pembandaran “palsu” seperti yang dikemukakan oleh T.G McGee⁴⁰ iaitu *pseudo urbanization*. McGee menjelaskan bahawa perkembangan bandar yang tidak boleh diikuti oleh taburan *public service*. Selain itu industrialisasi sebagai faktor pendorong kepada pertumbuhan ekonomi merupakan penyebab utama penghijrahan ke bandar. Keadaan ini berlangsung selama pemerintahan Orde Baru, melalui proses industrialisasi di mana pihak kerajaan berupaya untuk meningkatkan pertumbuhan kadar ekonomi. Apabila terjadi perubahan struktur ekonomi bandar dengan sektor perkhidmatan sebagai ciri utama dan terdapatnya peningkatan pembandaran melalui proses kemasukan guna tenaga ke dalam sektor tidak formal. Ini menunjukkan peluang-peluang pekerjaan formal di sektor pemerintah dan sektor swasta adalah terhad kerana aspek formaliti dan birokrasi (pentadbiran) lebih banyak guna tenaga disiapkan. Alternatif yang mudah ialah memasukkan sektor ekonomi tertuari. Oleh itu, perkembangan kawasan bandar dipengaruhi oleh faktor penghijrahan

³⁹ *Krisis Nasional, reformasi Total, dan ITB*. Tinjauan tentang reformasi total untuk menuju ke masyarakat terbuka. Laporan Senat ITB 2 Agustus 1998, Bandung: Penerbit Institut Teknologi Bandung, 1998. Lihat juga Selo Soemardjan (editor), 2000, *Menuju Tata Indonesia Baru* Jakarta: Gramedia Pustaka Utama, hal., vii-xxxv.

⁴⁰ TmcGee, Loc-cit.

kerana sektor ekonomi informal dapat menyerap guna tenaga yang kurang mahir. Inilah yang dikatakan oleh McGee sebagai pembandaran palsu atau "*pseudo*" yang bertentangan dengan pengaruh barat yang mengutamakan pekerjaan di sektor formal.

Di dalam penyelidikan ini beberapa aspek utama yang akan dilakukan termasuklah:

1. Proses pembandaran memberi impak kepada *pseudo urbanization*, iaitu bandar berkembang mengikuti aspek fizikalnya tetapi tidak memberikan pusat-pusat perkhidmatan dikawasan bandar.
2. Impak pembandaran kepada marjinalisasi masyarakat tempatan sehingga kemiskinan bandar berlaku.
3. Proses pembandaran yang tidak terkawal dan tidak adanya pusat-pusat kemudahan (pelayanan) awam.
4. Pembandaran memberikan Impak sosial serta ekonomi kepada masyarakat khasnya komuniti tempatan terutamanya Bandar Tanjungpinang.
5. Melihat apakah polisi pemerintah yang boleh membantu pengurusan bandar yang berkembang berlakunya marjinalisasi komuniti tempatan.

1.5. Kepentingan Kajian

Semenjak kawasan Kepulauan Riau membangun dengan pesatnya kajian yang berkenaan dengan pembandaran boleh dikatakan belum ada dilakukan khasnya di Pulau Bintan. Penulisan mengenai Kepulauan Riau dan Batam dilakukan oleh LIPI⁴¹ seperti:

⁴¹ Maknanya Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia, melakukan pelbagai kajian dan pengembangan keilmuan di Negara Indonesia.

Riwanto Tirtosudarmo⁴², memfokuskan tentang *proses peminggiran (marginalisasi) masyarakat lokal, dalam Demografi Politik Pembangunan Indonesia dari Riau sampai Timor-Timur*. Kajian Riwanto merujuk kepada tertinggalnya komuniti tempatan di dalam pembangunan yang dilangsungkan di Pulau Batam. Banyak kawasan lain di daerah ini seperti: Tanjungbalai Karimun, Tanjung Batu, Tanjung Uban (di Pulau Bintan) dan beberapa kawasan lainnya (khususnya di Pulau Bintan yang lebih luas dibandingkan dengan Pulau Batam) boleh dikatakan tidak disentuh oleh pembangunan yang dilakukan oleh Kerajaan Pusat seperti yang telah berlaku di Pulau Batam. Oleh itu, didapati berbagai fenomena yang menyusahkan bagi penduduk tempatan, khususnya penduduk kaum Melayu Kepulauan Riau⁴³.

Mubyarto⁴⁴ yang menyoroti *Riau Dalam Kancan Ekonomi Global*; menunjukkan bahawa meskipun daerah Provinsi Riau sangat kaya kerana menghasilkan minyak, tetapi penduduk Riau masih banyak yang miskin, kualiti sumber manusia yang buruk dan infrastruktur yang sangat daif. Oleh itu, kemiskinan yang berlangsung di Provinsi Riau disebabkan oleh hanya aktiviti pembangunan terpilih yang ditaja oleh Kerajaan Pusat.

Syamsuddin Haris⁴⁵ *Indonesia Diambang Perpecahan?, Kasus Aceh, Riau, Irian Jaya*

⁴² Salah seorang ahli LIPI yang pernah melakukan kajian di Batam dan Bintan berkenaan dengan pembangunan di kawasan ini. Riwanto Tirtosudarmo, 1994. *Aspek Demografi-Ekonomi Sijori. Tersingkirnya penduduk Riau Kepulauan dalam Pembangunan Batam dan Bintan*. Pengajiannya dibentangkan oleh satu majalah iaitu: **Majalah Analisa CSIS**, tahun XXIII, nomor: 3, Mei-Juni.

⁴³ Inter Matrix Bina Indonesia ialah sebuah konsultan yang melakukan pengkajian di kawasan kerjasama menyangkut dengan *Dampak Sosial Ekonomi Pengembangan Pulau Bintan* (pada bulan Ogos 1996). Selari dengan itu R. Siti Zuhro menulis tentang: *Riau dan Otonomi Daerah: Problematik Perimbangan Keuangan Pusat-Daerah*, dalam Syamsuddin Haris (et.al.), *Indonesia Diambang Perpecahan ?, Kasus Aceh, Riau, Irian Jaya dan Timor Timur* (Jakarta: Erlangga, 1999) hal. 170. Lihat juga Riwanto Tirtosudarmo, *Demografi Politik Pembangunan Indonesia dari Riau sampai Timor – Timur* (Jakarta: Pustaka Sinar Harapan, 1996)

⁴⁴ Moebyarto, 1999. *Riau dalam Kancan Ekonomi Global*, Yogyakarta, Pustaka Rajawali

⁴⁵ Syamsuddin Haris (et.al.), 1999. *Indonesia Diambang Perpecahan ?, Kasus Aceh, Riau, Irian Jaya dan Timor Timur*. Jakarta: Erlangga, p.170. Lihat juga R. Siti Zuhro, **Riau dan Otonomi Daerah: Problematik Perimbangan Keuangan Pusat-Daerah**, dalam Haris, et.al. 1999. Riwanto Tirtosudarmo,

dan Timor-Timur, telah memberikan analisis bahawa didapati perbezaan dalam hal mengurus program-program pembangunan. Walaupun daerah ini kaya akan hasil bumi namun mereka tidak boleh menikmati hasil pembangunan dan kewangan masih bergantung kepada pemerintah pusat. Selain itu didapati pengkaji luar negara seperti: Lenhart dan Vivienne Wee⁴⁶ sebelum tahun 1982 telah memfokuskan kepada perkembangan dan keadaan budaya masyarakat Melayu di Riau Kepulauan. Hasil kajian ini telah memberi manfaat kepada polisi pembangunan Ekonomi Provinsi Riau beserta Kepulauan Riau. Selain itu, hasil kajian ini merupakan masukan yang penting bagi pihak berkuasa tempatan untuk merancang serta membangun kawasan Pulau Bintan, khasnya Bandar Tanjungpinang yang telah mengguna pakai sistem *Otonomi Daerah* seperti yang berlaku sekarang ini.

Bandar Tanjungpinang beserta Pulau Bintan merupakan suatu kawasan yang sedang tumbuh dan berkembang dengan pesat. Sebagai bandar yang berdekatan dengan Singapura dan Malaysia, kawasan ini menjadi destinasi pelancongan selepas Pulau Batam. Sebagai kawasan perniagaan dan pelancongan, Pulau Bintan mempunyai kisah sejarah yang istimewa. Oleh itu, kawasan ini merupakan kawasan perniagaan yang strategik pula. Selari dengan itu pula perubahan sistem pentadbiran sentralistik yang beralih ke sistem desentralisasi telah memberi impak kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk membuat pelan, merancang serta membangun ke kawasan mereka sendiri dengan lebih selesa.

1996. Demografi Politik Pembangunan Indonesia dari Riau sampai Timor – Timur. Jakarta: Pustaka Sinar Harapan, 1996

⁴⁶ Menurut Hasan Yunus (2001) pengkajian yang dilakukan oleh Lenhart dan Vivienne Wee di kawasan Kepulauan Riau merangkumi keberadaan kejayaan Melayu sehingga sampai kepada berkembangnya Kepulauan Riau memasuki tahun 1980. Ragam maklumat yang ditulis oleh Hasan Yunus dalam bukunya *Raja Ali Haji: Budayawan di gerbang Abad XX (2001)* banyak membentangkan pelbagai hal tentang Kepulauan Riau.

1.6. Skop dan batasan Kajian

Kajian ini dilangsungkan di Pulau Bintan dengan fokus bandar Tanjungpinang. Bandar ini dipilih kerana ianya menjadi satu diantara bandar-bandar destinasi penghijrahan terbesar di kawasa Pulau Sumatera. Bandar-bandar utama yang menjadi destinasi boleh disebutkan : Pekanbaru, Medan, Batam, Tanjungpinang dan Karimun. Seperti yang telah dibentangkan bahawa fokus daripada Kerajaan Pusat di dalam menggubal polisi pembangunan yang fokus kepada *pro-growth*, menyebabkan *urban bias* berlaku. Impaknya ialah pembandaran yang berterusan di sokong pula dengan penghijrahan yang berlaku.

Pindaan di atas memberikan maklumat bahawa di dalam kajian ini penekanan pembahasan ialah pembandaran. Ciri-ciri pembandaran yang dianalisis ditekankan kepada impak penghijrahan ke Bandar Tanjungpinang. Impak maknanya ialah semakin tingginya kadar pertumbuhan dan bilangan penduduk bandar, serta petempatan penduduk yang semakin menghalu kepada kawasan-kawasan tertentu sehingga wujud kepada pola-pola seperti kesetingganan, kesesakan, laluan yang tak tentu arah persekitaran.

Selain daripada hal di atas, impak juga bermakna kepada semakin bergesernya petempatan masyarakat lokal (Melayu) serta persaingan yang semakin keras sehingga jurangpun berlaku. Impak ini terutama dirasakan oleh penduduk tempatan, di lain pihak hadirnya nilai-nilai di luar kebiasaan penduduk tempatan memberi makna khas kepada pembandaran yang berlaku. Perilaku kehidupan malam, rumah sewa yang berhimpit-himpit sesak tetapi agak bebas, kesemuanya menjadi pemandangan keseharian di Bandar Tanjungpinang. Hal ehwal yang berkait dengan kehidupan sosial dan ekonomi masyarakat

tempatan ialah adanya jurang antara pendatang dengan penduduk tempatan. Sisi inilah yang memberi makna khas (impak) ketika pembandaran yang di sokong oleh penghijrahan berlaku. Ramai kaum Melayu menjual rumah mereka di pusat bandar, dan membeli rumah yang lebih sempit di tepi bandar. Walaupun perniagaan wujud dan berkembang, tetapi boleh dikata tidak ada orang Melayu yang berniaga seperti yang di taja oleh kaum pendatang. Rumah Makan, gerai, Akaw dan seumpama ramai di isi oleh kaum pendatang.

Pembandaran tidak sahaja berimpak kepada fizikal bandar, tetapi ianya juga berimpak kepada perilaku penduduk tempatan. Kerana jika mereka (Melayu) tidak boleh bersaing maka mereka akan tertutup dan tertinggal. Kajian ini dilakukan ketika proses reformasi (pergantian sistem pentadbiran) dengan makna demokratisasi di Indonesia, isu penduduk tempatan (Melayu) mulai mendapatkan tempat utama. Kerana selama ini isu-isu tentang putera daerah (Melayu) selalu terpinggirkan. Makna lebih jauh ialah ketika pengkajian dilakukan, persoalan membangkitkan orang Melayu yang selama ini tertinggal merupakan isu khas dan penting.

1.7. Metodologi

Penyelidikan ini dilakukan secara *Multi-disciplinary Approach* dengan penekanan kepada Antropologi (*Antropological Approach*). Oleh itu, pengumpulan dan penganalisaan data serta maklumat daripada semua aktiviti kajian menekankan kepada kaedah pemerhatian iaitu:

1. Ikut serta, kerana ianya merupakan teknik asas bagi pengumpulan data utamanya ialah data kualitatif secara lebih terperinci.
2. Soal selidik dan temubual secara informal.
3. Dokumentasi.

tempatan ialah adanya jurang antara pendatang dengan penduduk tempatan. Sisi inilah yang memberi makna khas (impak) ketika pembandaran yang di sokong oleh penghijrahan berlaku. Ramai kaum Melayu menjual rumah mereka di pusat bandar, dan membeli rumah yang lebih sempit di tepi bandar. Walaupun perniagaan wujud dan berkembang, tetapi boleh dikata tidak ada orang Melayu yang berniaga seperti yang di taja oleh kaum pendatang. Rumah Makan, gerai, Akaw dan seumpama ramai di isi oleh kaum pendatang.

Pembandaran tidak sahaja berimpak kepada fizikal bandar, tetapi ianya juga berimpak kepada perilaku penduduk tempatan. Kerana jika mereka (Melayu) tidak boleh bersaing maka mereka akan tertutup dan tertinggal. Kajian ini dilakukan ketika proses reformasi (pergantian sistem pentadbiran) dengan makna demokratisasi di Indonesia, isu penduduk tempatan (Melayu) mulai mendapatkan tempat utama. Kerana selama ini isu-isu tentang putera daerah (Melayu) selalu terpinggirkan. Makna lebih jauh ialah ketika pengkajian dilakukan, persoalan membangkitkan orang Melayu yang selama ini tertinggal merupakan isu khas dan penting.

1.7. Metodologi

Penyelidikan ini dilakukan secara Pendekatan Antropologi (*Antropological Approach*). Oleh itu, pengumpulan dan penganalisan data serta maklumat dari semua aktiviti kajian menekankan kepada kaedah pemerhatian iaitu:

1. Ikut serta, kerana ianya merupakan teknik asas bagi pengumpulan data utamanya ialah data kualitatif secara lebih terperinci.
2. Soal selidik dan temubual secara informal.
3. Dokumentasi.

1.7.1. Kaedah Kualitatif

Lokasi bagi kajian ini iaitu Pulau Bintan Kepulauan Riau dengan fokus khasnya di Bandar Tanjungpinang. Pulau Bintan merupakan pulau terbesar yang ditempati lebih daripada 60 peratus bilangan penduduk Kepulauan Riau (pada tahun 1998). Sementara itu sejak tahun 1990, Pulau Bintan yang telah dijadikan kawasan pelaburan luar negara seperti negara Singapura dan Taiwan menjadikan pulau Bintan tempat pencari pekerjaan serta peluang destinasi penghijrahan.

Di *Kecamatan Bintan Utara* (Pulau Bintan) didapati dua kawasan yang menjadi pusat aktiviti pelabur antarabangsa iaitu *kawasan berikat Lobam* dan *pelancongan* bertaraf antara bangsa di Lagoi. Dua kawasan ini khasnya di Lobam menjadikan kawasan seperti madu yang didatangi oleh semut-semut daripada luar Pulau Bintan.

Bandar Tanjungpinang pada masa sebelum tahun 2001 adalah sebuah bandar dan merupakan pusat pentadbiran Kabupaten Kepulauan Riau. Oleh itu, Bandar Tanjungpinang yang semakin dikenal oleh pelancong-pelancong luar negara Indonesia, seperti Singapura, Malaysia, Korea Selatan, Taiwan, Jepun dan negara-negara lainnya. Selain daripada itu dikunjungi pula oleh orang-orang daripada kawasan dalam negara. Di Kecamatan Bintan Timur pula didapati aktiviti projek yang sudah lama berlangsung iaitu *penambangan batu granit*.

Sasaran kajian selain daripada penghijrah juga kepada penduduk tempatan, khasnya penduduk daripada kaum Melayu ataupun mereka yang bukan Melayu tetapi telah bertahun-tahun di Bintan (telah tinggal 5 tahun lebih). Pelbagai kaum seperti orang-orang Bugis, Buton (Sulawesi Tenggara), Madura (pulau Bawean Jawa Timur), termasuk orang-orang Cina telah tinggal lebih daripada 30 tahun dan telah beranak pinak di Pulau

Bintan khasnya di bandar Tanjungpinang seperti di kawasan Teluk Keriting, Batu Hitam, Kawal dan Kampung Bugis.

Penduduk lain ialah mereka yang sudah duduk paling tidak selama lebih daripada enam bulan, di bawah jangka masa itu tidak dirujuk.

1.7.2. Kaedah Kuantitatif

Untuk menyokong kaedah kualitatif dirujuk pula kaedah kuantitatif. Untuk ini, ditentukan kawasan sampel. Selepas penentuan kawasan sampel di Bandar Tanjungpinang dilakukan pengumpulan awal daripada bilangan responden yang memenuhi persyaratan iaitu penduduk yang telah duduk lebih daripada 6 bulan. Seterusnya dilakukan secara rawak untuk memperolehi responden dengan taburan 3 peratus daripada ketua isi rumah masing-masing kawasan. Dengan itu, bilangan responden ketua isi rumah diperoleh seramai 1,086 orang (ketua isi rumah, jadual 1.9).

Jadual 1.9

Taburan bilangan penduduk, isi rumah dan pensampelan

Kecamatan	Penduduk	Isi Rumah	% pensampelan	Responden
Bukit Bestari	48,835	11,930	3	357
Tanjungpinang Timur	31,049	7,891	3	237
Tanjungpinang Kota	18,104	4,581	3	137
Tanjungpinang Barat	48,615	11,826	3	355
Bandar Tanjungpinang	146,603	36,228	3	1,086

Sumber: Diolah dari Kepulauan Riau dalam Angka, Tahun 1991, 1996 dan 2000.

Kawasan pemerhatian sebenarnya meliputi Pulau Bintan yang merupakan sebuah pulau besar di Riau Kepulauan. Oleh itu, untuk kawasan-kawasan seperti Kecamatan Bintan Utara (Tanjung Uban) dan Kecamatan Bintan Timur (Kijang) dilakukan pemerhatian dengan temu bual dalaman. Ini semua dikerjakan untuk memperolehi gambaran kualitatif daripada pembandaran yang berlangsung di Bintan. Mereka yang diperlakukan sebagai responden utama (*key person*) ialah orang-orang tua (yang sudah lama tinggal dikawasan tersebut), pemuka adat, pendidik dan cendekia lainnya. Tujuan utamanya ialah untuk memahami pembandaran secara kualitatif daripada pembandaran yang sedang berlangsung.

1.7.2.1. Cara pensampelan

Pensampelan digunakan secara dua tahap iaitu **kesatu**: dengan cara penilaian (*Purposif*) iaitu: kawasan yang paling sesak dan yang paling ramai penghijrahnya dan sangat cepat berkembang. Data awal daripada pelbagai rujukan boleh dicermati iaitu Kawasan Kecamatan Tanjungpinang Barat dan Tanjungpinang Timur dan kedua-duanya termasuk ke dalam kawasan Bandar Tanjungpinang.

Kedua: Untuk kecamatan Bintan Timur dan Bintan Utara (di luar Bandar Tanjungpinang) ianya merupakan kawasan industri dan pelabuhan (laut dan udara). Kawasan ini merupakan kawasan yang lambat berkembang, sementara itu pula kawasan kecamatan Bintan Utara, merupakan kawasan yang berhadapan langsung dengan Pulau Batam. Oleh itu, ianya menjadi kawasan pilihan (alternatif) bagi guna tenaga dan penghijrah lainnya untuk berdatangan ke kawasan tersebut. Selain daripada itu, di kawasan Bintan Utara didapati suatu kawasan kerjasama antara Kerajaan Indonesia

dengan Singapura iaitu kawasan kilang Lebam. Kawasan ini dipanggil dengan *kawasan berikat*, iaitu suatu kawasan kerjasama yang ramai menggunakan guna tenaga dari luar Pulau Bintan. Semua kawasan itu merupakan destinasi penghijrah dan pintu masuk ialah Pelabuhan Kijang dan Bandar Tanjungpinang. Pelabuhan Kijang (Bintan Timur) ialah pelabuhan untuk masuk kapal-kapal besar daripada Perusahaan *Pelayaran Nasional Indonesia* disingkat dengan *Pelni*. Kapal ini datang dari Sulawesi, Pulau Jawa, Kijang (Bintan) dan terus ke Dumai.

1.7.2.2. Penentuan Responden

Selepas penentuan bilangan responden yang menjadi perhatian kajian ini cara untuk sesiapa yang akan dilakukan temubual dan pemberian borang soal selidik dipakai beberapa cara. *Kesatu*: membuat map kawasan yang menjadi pemerhatian daripada penyelidikan ini. Seterusnya menyenaraikan kawasan-kawasan dengan merincikan bilangan isi rumah yang ada. *Kedua*: Selepas mengetahui saiz daripada bilangan masing-masing kawasan, ketua isi rumah yang dijadikan responden ditentukan secara undi. *Ketiga*: kepada kawasan-kawasan lain dipakai langkah-langkah seperti yang dibentangkan di atas untuk menentukan semua responden pada semua kawasan pemerhatian.

1.7.2.3. Pengumpulan data

Data kuantitatif dikumpulkan secara soal selidik kepada semua responden dengan dua kategori iaitu soalan tertutup (*closed-ended*) dan soalan terbuka (*open-ended*). Kedua-duanya dipakai secara langsung dalam penyelidikan lapangan. Selain itu kaedah

soal selidik dilengkapi pula dengan temu bual untuk memperolehi kesan dan pemerhatian peneliti selama di lapangan.

Kaedah pemerhatian penting dilakukan dan ianya merupakan teknik asas dalam pengumpulan data kualitatif tentang tingkah laku komuniti bandar beserta penghijrah yang berkenaan dengan kehidupan mereka di lokasi penelitian. Kaedah pemerhatian disejajarkan dengan dokumentasi.

1.7.2.4. Analisis

Data dianalisa secara Kualitatif dan Kuantitatif. Penekanan analisis kualitatif merujuk kepada hasil pemerhatian dalaman dari kes-kes yang dikaji. Kajian kes dibentangkan untuk memberikan makna pengkajian terhadap pembandaran yang berlangsung. Kajian kes secara dalaman akan dilengkapi dengan pelbagai penemuan di lapangan iaitu membentang rekod-rekod yang diberlakukan selama pemerhatian berlangsung.

Kepada analisis kuantitatif iaitu menggunakan program SPSS (*for windows*). Analisis awal dilakukan untuk mengkaji data dan maklumat hasil daripada kerja lapangan. Aktiviti analisis dilakukan secara: (1) membuat kod semua jawapan dan dimasukkan ke dalam fail elektronik komputer untuk diproses. (2) melalui perintah-perintah khas diproses untuk mengeluarkan pelbagai angkuah yang berisikan hasil awal seperti jadual kekerapan (*frekuensi*), purata (*min*), mod dan jadual cross-tab (untuk melihat hubungan antara dua angkuah atau lebih). (3) Hasil mula-mula ini dipakai sebagai titik mula analisis. Seterusnya analisis hubungan dua angkuah atau lebih dibuat untuk melihat polisi apa yang boleh dipakai berdasarkan objektif daripada kajian yang telah dibuat.

Semua hasil analisis komputer akan dipadu dengan hasil pemerhatian ketika penyelidikan berlangsung di lapangan. Sebab bagaimanapun hasil analisis komputer jika tidak dipadukan dengan hasil pemerhatian maka hal-hal yang tidak boleh dianalisis secara kuantitatif (makna substansi daripada penyelidikan) secara kualitatif tidak boleh dimaknakan. Oleh itu, peran pemerhatian sangat berguna ketika semua hasil analisis komputer sudah pula dikeluarkan ataupun dicetak.

1.8. Format Persembahan

Penulisan thesis ini dibentangkan kepada beberapa bab, masing-masingnya merupakan bahagian yang berkait antara satu sama lain. Oleh itu, pemikiran pengkaji akan terlihat dan terurai ke dalam bab demi bab seperti di bawah.

Bab I Pengenalan. Bahagian ini menjelaskan latar belakang mengapa pengkajian tentang perbandaran sangat diperlukan. Pemikiran berkenaan berlangsungnya proses perbandaran yang cepat sangat semestinya memerlukan kawalan yang khas. Oleh itu, makna pembandaran dijadikan asas untuk melakukan pengkajian. Selain itu dihuraikan pula sebab musabab mengapa diperlukan kajian kepada kawasan berkenaan dan seterusnya batasan serta pengertian juga diungkapkan. Selain daripada hal tersebut, metodologi penyelidikan, teknik pensampelan dan analisis juga dikemukakan di dalam bahagian ini.

Bab 2 Perspektif Teori Pembandaran. Bahagian ini menghuraikan teori-teori pembandaran dengan pelbagai pendekatan. Selain daripada membahas teori ini, pelbagai kajian empirik beserta kes tentang pembandaran khususnya di kawasan ASEAN

diketengahkan. Di antara teori empirik tersebut dibahas pendekatan dan perspektif teori penghijrahan dalam kaitannya dengan pembandaran.

Makna daripada bahagian ini menghuraikan lebih dalam tentang penghijrahan dan pembandaran. Oleh itu, kes yang dijadikan rujukan khasnya di Indonesia dibandingkan dengan kes yang berlangsung di kawasan ASEAN. Ekorannya akan boleh menjadikan rujukan berkenaan kes yang bersamaan terhadap pembandaran yang tengah berlangsung.

Bab 3 Gambaran Provinsi Riau. Bahagian ini memberikan gambaran tentang Provinsi Riau dengan pelbagai kawasan Otonominya. Ulasan hal ihwal Provinsi (Negeri) Riau dibentangkan dengan lebih jelas, kerana lokasi kajian adalah bahagian (distrik) yang baru diberlakukan sistem Otonomi. Oleh itu, Geografi, Demografi dengan pelbagai kebolehan pertumbuhan ekonominya dianalisis dan dibentangkan dengan lebih dalam.

Selain daripada menghuraikan pelbagai hal yang berkenaan dengan kawasan Riau, juga digambarkan pula keadaan Provinsi Riau sejak diberlakukan Undang-undang Otonomi Daerah nombor 22 Tahun 1999. Oleh itu, keberkesanan pelaksanaan Otonomi memberikan hal yang khas kepada persoalan pembandaran yang sedang berlangsung terus di Riau khasnya di Bandar Tanjungpinang beserta Pulau Bintan.

Pelbagai polisi pembangunan pada era Orde Baru turut dibentangkan dan itu dijadikan sebagai bahan asas untuk membahas pembandaran di Pulau Bintan khasnya Bandar Tanjungpinang.

Bab 4. Pulau Bintan: Sejarah dan Perkembangannya. Gambaran secara khas berkenaan Pulau Bintan dibahas pada bahagian ini. Pengenalan dimulakan dari perjalanan sejarah tentang Pulau Bintan sehingga sampai kepada kemerdekaan Republik Indonesia. Fenomena empiri tentang perkembangan Bandar Tanjungpinang sebagai bandar utama di Pulau Bintan dirangkumi dengan sokongan pelbagai polisi pembangunan yang bersifat sentralistik. Uraian berkenaan peran kerajaan pusat (Jakarta) kepada pembangunan Pulau Bintan, khasnya Bandar Tanjungpinang turut serta dihuraikan sehingga sampai kepada perkembangan akhir daripada Bandar Tanjungpinang.

Bahagian seterusnya menghuraikan polisi sentralistik Orde Baru membena Pulau Bintan. Oleh itu, sebagai impak daripada pembangunan yang sentralistik menimbulkan pelbagai persoalan khasnya perkara ekonomi dan sosial yang berkenaan dengan masyarakat tempatan.

Pokok persoalan berkenaan dengan pembinaan kawasan khasnya Provinsi Riau (sebelum Otonomi) tergambar dengan rinci. Ertinya fenomena empirik yang bertalian dengan pembandaran boleh disimak pada bahagian daripada bab ini.

Bab 5. Penghijrahan dalam konteks Pembandaran. Bahagian ini membentangkan keberkaitan antara penghijrahan kepada pembandaran. Pembahasan difokuskan kepada Bandar Tanjungpinang iaitu pembandaran yang berkait rapat dengan penghijrahan.

Selain daripada menghuraikan hal ihwal penghijrahan pembahasan secara khas dengan menggambarkan responden turut dibentangkan. Pembahasan merangkumi identiti, umur, paras pendidikan dan pekerjaan yang diceburi oleh responden. Daerah asal, sesiapa sahaja yang menjadi rujukan responden sehingga ianya boleh berhijrah ke Bandar

Tanjungpinang turut dibentangkan dengan jelas. Oleh itu, kepada bahagian ini dihuraikan secara khas responden yang berhijrah ke Bandar Tanjungpinang.

Bab 6. Pembandaran Tanjungpinang. Bahagian ini menghuraikan pelbagai penemuan-penemuan kajian khasnya analisa kuantitatif. Hasil kajian boleh dibentangkan dengan merujuk kepada hasil analisis yang dibuat. Oleh itu, kajian empirik yang berlangsung secara pemerhatian, temu bual boleh memberikan makna khas kepada pembandaran Tanjungpinang di Pulau Bintan.

Bab 7. Ulasan kualitatif dibentangkan untuk memahami fenomena sosial yang berlaku. Kepada bahagian ini hasil temu bual secara dalaman (*depth interview*) kepada pelbagai tokoh daripada pelbagai kaum berkenaan tentang hal ehwal pembandaran dihuraikan mengikut hasil pemerhatian kepada kawasan-kawasan khas. Kawasan-kawasan itu ialah Kecamatan Bintan Utara, Kecamatan Bintan Timur dan di Bandar Tanjungpinang.

Bab 8. Penutup. Bahagian ini membentangkan persoalan pembandaran Tanjungpinang, oleh itu, upaya pengkawalan bandar yang berkembang secara berketerusan boleh diberikan rekomendasi kepada masa hadapan. Selari dengan itu rekomendasi dirujuk kepada kajian yang mendalam tentang keterusan dari dapatan kajian ini.

Bahagian ini juga membentangkan *research finding* beserta pengajian yang diperlukan untuk masa hadapan. Hal ini dikeranakan bahawa bandar akan terus berkembang dan jika perkembangan tersebut tidak dikawal dan pengurusan yang benar maka di masa hadapan akan didapati bandar yang sangat sesak dan tidak terkawal.